

07/03/1999

Awana Kijal banyak keistimewaan

Halmi Samad

TAHAP pembangunan yang pesat menyebabkan Pantai Barat, khususnya di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru dan Ipoh, memiliki lebih banyak hotel bertaraf lima bintang. Sebaliknya, keadaan yang sama mungkin tidak wujud di Pantai Timur.

Sekalipun, memiliki kawasan peranginan, seperti pantai yang menarik di Cherating, Pantai Cahaya Bulan, Batu Buruk dan Pulau Tioman ternyata Pantai Timur masih ketinggalan.

Begitupun, setakat ini, ada beberapa hotel dan pusat peranginan di Pantai Timur yang diiktiraf mencapai status lima bintang. Antaranya ialah Awana Kijal Beach & Golf Resort di Kijal, Terengganu.

Resort terletak di Kijal dan berhampiran dengan bandar minyak, Kerteh dan pusat peranginan terkenal, Cherating, kian mengorak langkah selaku antara pusat percutian yang terunggul di Pantai Timur.

Sejak mula dibuka dan beroperasi pada 28 Julai 1996, resort berkenaan secara perlahan menjadi satu nama yang semakin sukar ditandingi oleh pesaingnya di Pantai Timur dan Pantai Barat.

Sekalipun berbangga kerana memiliki pantai yang cantik sejauh 3.5 kilometer, pengurusannya memilih untuk menjadikan resort berkenaan sebagai pusat persidangan paling unggul di Malaysia.

Pengurus Perhubungan Awamnya, Kapten (B) Anita Zakirah Abdullah, berkata pihaknya mahu mengambil kesempatan daripada kedudukan resort berkenaan berdekatan dengan 'bandar gas dan minyak' - Kerteh dan bandar pelabuhan, Kemaman.

"Buat masa ini, kami hampir berjaya mencapai impian untuk menjadikan Awana Kijal Beach & Golf Resort sebagai pusat persidangan paling unggul di Malaysia.

"Berdasarkan statistik, banyak tenaga pakar dalam dan luar negara dari pelbagai bangsa bekerja di Kerteh serta Kemaman. Sudah pasti mereka mahu tempat bermesyuarat bagi melancarkan operasi syarikat.

"Bagaimanapun, ini tidak bermakna kami akan mengabaikan aspek kelebihan pantai. Sebenarnya, kami memiliki pantai terpanjang di Malaysia," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Menurutnya, Awana Kijal Beach & Golf Resort mempunyai 12 pusat persidangan seluas 1,649.86 meter persegi iaitu Awana Grand, Ballroom, Ballroom 1, Ballroom 2; Ballroom 3, Kemaman Room, Kemaman Room 1, Kemaman Room 2, Kerteh, Kemasik, Kompak dan Kijal.

Pusat persidangan di situ dilengkapi dengan kemudahan pandang dengar paling canggih di Malaysia. Di samping itu, sistem bunyi, suara serta lampu termoden di resort berkenaan juga diperaku antara yang termoden di negara ini.

Anita berkata, pihaknya turut menawarkan pakej penginapan terbaik dengan presidential suite berharga RM2,500, dua bilik bercantum (RM980); deluxe suite (RM640), suite satu bilik (RM520), dua bilik kelab Awana (RM380); satu bilik kelab Awana (RM350), Deluxe Double (RM340) dan Deluxe Single (RM300). Setiap bilik dilengkapi pelbagai kemudahan termasuk hawa dingin, televisyen, radio, pengering rambut, talian IDD dan peti keselamatan. Pakej berkenaan termasuk sarapan pagi ala buffet.

Resort itu turut menyediakan kemudahan pusat perniagaan, taman didikan kanak-kanak, sewaan kereta, pusat tukaran wang asing, kedai gambar, kedai golf dan perkhidmatan penghantaran terus ke lapangan terbang.

Pengurus Perkhidmatan Pelanggannya, Suriati Pandak, pula berkata satu